

13 APR 2001

Samy-Muhibah

PEMINDAHAN SEMENTARA UNTUK BOLEHKAN PEMBANGUNAN RUMAH KOS RENDAH

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Kerajaan mencadangkan pemindahan sementara 239 keluarga setinggan Kampung Muhibah ke rumah pangsa di Lembah Subang sehingga pembinaan rumah baru di kawasan itu siap, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Untuk menyelesaikan masalah pembangunan rumah baru itu, penduduk kampung berkenaan harus berpindah dahulu untuk membolehkan pembinaan rumah kos rendah berharga RM42,000 seunit itu dijalankan, katanya semasa menghadiri perjumpaan dengan para penduduk kampung itu.

Beliau berkata penduduk berkenaan memohon untuk membeli rumah baru itu dan bukan menyewanya.

Samy Vellu berkata keputusan menjual atau menyewa terletak di tangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) serta kerajaan dan beliau berjanji untuk membangkitkan isu itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jika dipersetujui, penduduk terbabit akan diminta berpindah serta-merta ke Lembah Subang untuk membolehkan kawasan itu dibangunkan, katanya.

Samy Vellu berkata soal harga rumah baru itu juga akan dikemukakan kepada jemaah menteri dan beliau akan cuba meminta kerajaan negeri Selangor membenarkan mereka membelinya dengan harga RM35,000.

Turut hadir pada perjumpaan itu ialah Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Tan Chai Ho dan Timbalan Pengarah Dewan Bandaraya Khalid Zakaria.

Semasa perjumpaan itu, tiga keluarga mangsa tanah runtuh ditawarkan untuk menyewa rumah kos rendah sementara di Lembah Subang.

-- BERNAMA

LYM AN AHH NAK